

Mampukah Kita Menangani Pembaziran Air?



Oleh: Najah Ulfah Idris

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 20 Jun 2021

Semakin maju teknologi, semakin banyak air bersih yang digunakan. Pada era moden, air bukan sahaja diperlukan untuk makanan dan pembersihan, malah turut digunakan secara besar-besaran dan berlebihan dalam sektor pertanian, perkilangan dan penjanaan hidroelektrik.

Menurut Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), air digunakan dalam pelbagai industri di seluruh dunia untuk membuat, memproses, dan mencuci produk. Sektor ekonomi terbesar yang menggunakan air adalah sektor pertanian.

Air dalam pertanian digunakan untuk pengairan tanaman, racun perosak, baja, dan pengairan ringan. Hampir 65 peratus pengeluaran air yang direkodkan di dunia digunakan bagi sektor ini.



Gambar hiasan

Manakala bagi penggunaan domestik, pegawai Jabatan Kawal Selia Air, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Adam Malik Najri berkata, kajian menunjukkan rakyat Malaysia menggunakan sebanyak 201 liter per kapita air bersih setiap hari.

Jumlah itu 21.82 peratus lebih tinggi daripada kadar yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sebanyak 165 liter bagi setiap orang pada setiap hari.

Isu ini bukan sahaja terjadi di negara kita, malah berlaku juga di peringkat global. Misalnya negara jiran, Thailand mencatatkan penggunaan air yang tinggi, iaitu sekitar 193 liter per kapita setiap hari.

Singapura pula menunjukkan situasi berbeza dengan mencatatkan penggunaan air yang selaras dengan saranan WHO.

Menurut laman sesawang *Euromonitor International*, salah satu faktor penyumbang adalah pengurusan yang cekap dan diletakkan sebagai antara isu penting dalam pentadbiran Singapura. Selain diimport dari Malaysia, lebih separuh sumber air bersih Singapura diperoleh daripada pengumpulan air hujan, kitar semula air, serta proses penyahgaraman.

Hal ini berbeza dengan Malaysia dan Thailand yang mempunyai sumber air bersih yang banyak. Namun kini, sumber tersebut dikatakan semakin berkurangan disebabkan perubahan cuaca serta masalah pencemaran yang semakin keterlaluan.

Dalam tempoh setahun akan datang, SPAN menasarkankan pengurangan penggunaan air sebanyak lima liter per kapita setiap hari. Oleh itu mulai sekarang, masyarakat perlu dididik dan dipupuk sifat bertanggungjawab terhadap setiap titis air yang digunakan.

Walaupun langkah ini telah dijalankan sejak beberapa tahun lalu dan agak sukar untuk dicapai, usaha yang berterusan serba sedikit tetap akan membuahkan hasilnya.

Sebagai anggota masyarakat yang berhemah, beberapa kaedah boleh kita laksanakan dalam menjayakan usaha ini.

Contohnya, kita boleh menggunakan air tadahan hujan untuk menyiram tanaman, mencuci kenderaan dan mengepam tandas. Tabiat ini dapat mengurangkan pembaziran lebih 30 liter air bersih setiap hari.

Selain itu, kita juga perlu segera membaiki paip saluran jika berlaku kebocoran. Ini kerana setiap liter air yang dibazirkan bersamaan dengan sebotol besar air minuman.

Di samping itu, tutup pili ketika menyabun tangan, menggosok gigi, mencuci muka, dan ketika bercukur.

Kita juga boleh memasang bidal air di pili yang berkemampuan mengurangkan 10 peratus penggunaan air.



Penggunaan bidal membantu menjimatkan penggunaan air.

Biarpun usaha ini nampak kecil, jika dilaksanakan oleh seluruh anggota masyarakat, beribu liter air dapat diijimatkan sekali gus membantu menjamin kelangsungan sumber air pada masa akan datang.

Tambahan pula, air bersih merupakan matlamat keenam daripada 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 yang dirangka oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2015.

Jika kita sendiri tidak bekerjasama dalam usaha mengawal penggunaan air bersih, maka tidak mustahil krisis air di negara kita akan menjadi semakin buruk dan berpanjangan.